

Akal fikiran lebih diutamakan dari emosi dan sensasi...

# PM: Politik kita berasas rundingan

Oleh BUSTAMAM AHMAD

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan negara tidak memerlukan jenis politik yang bergantung kepada sensasi dan keganasan.

Menurut beliau, politik Malaysia adalah politik rundingan dan politik dialog. Akal fikiran lebih diutamakan dari emosi dan sensasi.

Tetapi, tambah beliau, dengan penubuhan Barisan Nasional tidak bermakna 'kita tidak ada masalah kerana masalah ada di manamana saja'.

"Hidup seorang diri di pulau terpencil pun ada masalah. Hidup di bandar ada masalah, hidup di desa pun ada masalah. Yang penting ialah kesedaran dan kemaslah serta usaha yang dibuat untuk mengatasi masalah.

"Kalau diheboh-hebokkan masalah mungkin timbul sebagai masalah juga. Itulah sebabnya sebagai satu persefahaman perkara-perkara yang melibatkan parti-parti komponen BN dibincangkan secara tertutup tanpa diheboh-hebokkan.

"Inilah semangat BN dan dengan cara ini lebih senang kita mencari penyelesaian dan mendapat persefahaman," jelas Perdana Menteri selaku Pengerusi BN di upacara perasmian perhimpunan agung ke-31 MCO di Dewan Sultan Ahmad Shah, Bangunan Risa di sini hari ini.

Kata beliau, dalam sistem politik BN, tidak semua tuntutan, sama ada orang Melayu, Cina, India atau

Bumiputera lain akan berhasil.

"Jika sebarang pihak berjaya mendapat semua tuntutannya melalui desakan, ini pun akan menimbulkan masalah yang besar. Seharusnya, pentadbiran negara Malaysia perlu mengambil kira kepentingan semua pihak tetapi akhirnya kepentingan negara, yang tidak semestinya memenuhi kehendak semua pihak dengan sepenuhnya, yang harus diberi keutamaan.

"Di Malaysia, kalau dikirakan tidak semua tuntutan orang Melayu yang berhasil, dan demikian juga tuntutan kaum-kaum lain. Jika kita sayangkan demokrasi dan cara hidup berharmoni, cara dan adat yang kita amalkan di dalam BN perlu diteruskan dan perlu diberi sokongan oleh semua pihak," lambahnyanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan tidak semua masalah dapat diatasi sekaligus seperti pelaksanaan Bahasa Malaysia, yang dibuat secara beransur-ansur.

Kata beliau, terdapat juga setengah-setengah pihak tertentu yang mahu pelaksanaan Bahasa Malaysia dibuat sekaligus. Tetapi jelas terbukti sebahagian besar rakyat inginkan cara-peraksanaan yang berkesan dan selamat walaupun mengambil masa.

"Dalam negara kita terdapat ahli politik yang suka mengamalkan cara-cara yang terasing dari kita. Mereka ini tidak puas hati kerana di negara kita perbalahan politik berlaku dalam keadaan yang terfah dan tenang.

"Mereka tidak puas hati kerana tindakan liar, mogok politik, campur tangan kuasa asing serta pembunuhan kanak-kanak, orang tua dan suku kaum tertentu tidak berlaku.

"Oleh itu, mereka tidak segar-gegan dan tidak berhenti-henti mencipta berbagai peristiwa supaya suasana ketegangan wujud dan perhatian ditumpukan kepada mereka," lambah beliau.

Dalam hubungannya, Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli parti komponen BN jangan mudah terpengaruh dengan dakwah yang disebarikan oleh ahli-ahli politik seperti itu.

"Jika mereka ingin meniru amalan-amalan negara asing, biarlah mereka saja mengamalkannya. Malaysia tidak perlu politik yang bergantung kepada sensasi dan keganasan," jelas beliau.

## Peluang

Mengenal konsep Persefahaman Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata semangat di sebalik konsep berkenaan ialah persefahaman dan kerjasama antara rakyat berbagai kaum di negara ini.

"Ini bukan bermakna duku tidak ada persefahaman dan kerjasama. Tetapi yang kita harapkan ialah peningkatan persefahaman dan kerjasama ini kerana dengan persefahaman dan kerjasama erat berbanding kepada matlamat kepentingan dan faedah bersama boleh membuka peluang yang lebih banyak lagi dalam berbagai bidang bagi kita semua.

"Banyak perkara yang boleh dipraktikkan melalui konsep Persefahaman Malaysia dan hasilnya tentulah bagi meningkatkan perpaduan, ketahanan dan maruah negara," katanya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia